

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kluster Bangau-Bangau kelompok jangkitan baharu

Lima kes positif dikesan babit 4 rakyat tempatan, seorang warga asing di Sabah

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mengenal pasti satu lagi kluster di Sabah iaitu Kluster Bangau-Bangau di Semporna yang menjadi kluster ketujuh di negeri itu setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata setakat semalam, lima kes positif dikesan dalam kluster berkenaan, hasil saringan kemasukan pesakit di Hospital Semporna.

Katanya, lima kes berkenaan iaitu kes ke-10,340 hingga kes ke-10,344 dikesan positif kelmarin, membabitkan empat rakyat tempatan dan seorang warga asing.

"Mereka tidak menunjukkan sebarang gejala dan dimasukkan ke Hospital Semporna untuk rawatan lanjut. Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam), seramai 97 individu sudah disaring.

"Daripada jumlah itu, seramai 92 individu masih menunggu keputusan saringan COVID-19. Punca jangkitan masih dalam

siasatan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Justeru, beliau berkata langkah pencegahan jangkitan termasuk proses nyah kuman dan proses pembersihan sudah dijalankan manakala perkhidmatan di Hospital Semporna masih berjalan seperti biasa.

Sementara itu, jumlah kes baharu COVID-19 dalam tempoh 24 jam lalu di negara ini masih pada dua angka, iaitu 82 kes dengan Sabah kekal mencatatkan jumlah tertinggi, 60 kes.

Dr Noor Hisham berkata, kes baharu berkenaan yang merangkumi 72 jangkitan tempatan dan 10 kes import menjadikan jumlah kumulatif terkini sebanyak 10,358.

Bagi penularan tempatan, katanya, jangkitan membabitkan 60 rakyat tempatan dan 12 warga asing.

"Kes di Sabah membabitkan 41 kes daripada Kluster Benteng LD (Lahad Datu), selain masing-masing enam kes bagi Kluster Pulau dan Kluster Selamat; lima daripada Kluster Bangau-Bangau (kluster baharu) serta masing-masing satu kes saringan komuniti dan kes saringan rujukan ke Hospital Queen Elizabeth," katanya.

Beliau berkata, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan pada masa ini ialah sebanyak 665 kes.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 10 kes di Kedah merangkumi sembilan daripada Kluster Sungai serta satu kes saringan di

Mereka tidak menunjukkan sebarang gejala dan dimasukkan ke Hospital Semporna untuk rawatan lanjut. Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam), seramai 97 individu sudah disaring.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran di Kota Setar.

Selain itu, katanya, turut direkodkan masing-masing satu kes saringan praprosedur di sebuah pusat perubatan di Selangor dan kes saringan bergejala di Hospital Umum Sarawak.

Beliau berkata, kes import pula membabitkan sembilan individu yang pulang dari India dan satu dari Indonesia.

Katanya, jumlah kes pulih pula meningkat kepada tiga angka dengan 168 individu, menjadikan jumlah kumulatif pulih sepenuhnya kini 9,563 kes atau 92.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Tiada kematian baharu direkodkan, jumlah maut kekal 130 kes. Pada masa ini terdapat sembilan kes dirawat di unit rawatan rapi dengan dua daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

TAG MERAH JAMBU DI TEMERLOH**Bukan pesakit Covid-19**

Kuantan: Jabatan Kesihatan Pahang semalam mengesahkan bahawa wanita yang memakai tag merah jambu di sebuah restoran popular di Temerloh, baru-baru ini, bukan pesakit atau sedang menjalani arahan kuarantin berkaitan pandemik wabak Covid-19.

Pengarahnya Datuk Dr Bahari Awang Ngah berkata, wanita itu sebenarnya adalah bekas pesakit Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (Hoshas) di Temerloh dan dipercayai singgah ke restoran itu bersama ahli keluarganya sebaik sahaja dibenarkan keluar daripada hospital.

"Tag (berwarna merah jambu) itu tidak ditanggal-

kan dari pergelangan tangan pesakit semasa proses discaj. Pemakaian tag merah jambu adalah amalan biasa bagi mana-mana pesakit wanita yang dimasukkan ke wad.

"Sehubungan dengan itu, pihak kami memohon maaf atas kekeliruan yang berlaku sehingga menyebabkan kerisauan kepada masyarakat," katanya menerusi satu kenyataan media, semalam.

Dr Bahari berkata, pihaknya juga memohon maaf kepada pemilik restoran tersebut yang turut terkesan dengan penularan gambar wanita memakai tag merah jambu itu di laman sosial. - Bernama

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

Jumlah jangkitan Covid-19 naik 82 kes

Kuala Lumpur: Jangkitan baharu Covid-19 dalam negara naik 82 kes semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes keseluruhan penularan wabak itu sebanyak 10,358 kes setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 82 kes baharu yang dilaporkan itu, 10 kes import yang mendapat jangkitan di luar negara dan selebihnya kes penularan tempatan.

Menurutnya, kes import itu membabitkan sembilan warganegara dan seorang bukan warganegara dari India dan Indonesia.

Bagi 72 kes penularan tempatan, katanya, sebanyak 60 kes adalah membabitkan warganegara manakala 12 bukan warganegara.

"Di Sabah merekodkan 60 kes iaitu daripada Kluster Benteng LD (41), Kluster Pulau (6), Kluster Selamat (6), Kluster Bangau-Bangau (5) dan kes saringan komuniti serta saringan rujukan ke Hospital Queen Elizabeth (2).

"Di Kedah ada 10 kes dilaporkan iaitu sembilan kes dari Kluster Sungai dan satu kes saringan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan

(PKPD) Secara Pentadbiran di Kota Setar.

"Di Selangor satu kes saringan sebelum pembedahan di sebuah pusat perubatan dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh serta di Sarawak satu kes saringan bergejala di Hospital Umum Sarawak," katanya ketika sidang media Covid-19 di Putrajaya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 168 kes yang pulih semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 9,563 kes iaitu 92.3 peratus.

Katanya, jumlah kes aktif

dengan kebolehjangkitan Covid-19 adalah 665 kes dan mereka sudah diasingkan serta diberi rawatan.

"Sehingga kini, sembilan pesakit positif Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan dua daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, tiada kematian berkaitan jangkitan Covid-19 dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Gepat Krisis Kebangsaan (CPRC) setakat 12 tengah hari semalam menjadikan jumlah kumulatif kes kematian kekal 130 kes.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

4

Negara!



Covid-19 #kitamestimenang

Kosmo/RABU 23 SEPTEMBER 2020

Kluster Bangau-Bangau antara tujuh kluster aktif di Pantai Timur Sabah Kluster baharu di Sabah

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Kluster baharu Bangau-Bangau dikenal pasti di Semporna, Sabah hasil saringan kemasukan pesakit di Hospital Semporna, sekali gus menjadikan tujuh kluster aktif di negeri tersebut.

Pertambahan kluster itu menjadikan daerah Semporna berada di dalam zon merah selain Tawau dan Lahad Datu, manakala, 10 lagi daerah adalah zon kuning.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, negara semalam mencatatkan sebanyak 72 kes penularan tempatan dan 10 lagi melibatkan kes import dari negara India (9 kes warga Malaysia) dan Indonesia (seorang warga asing di Sarawak).

"Sebanyak 60 kes dilaporkan di Sabah termasuk Kluster Bangau-Bangau dikenal pasti hasil saringan kemasukan pesakit ke Hospital Semporna dan susulan itu, lima kes (kes ke-10,340 hingga ke-10,344) dikesan positif Covid-19 pada 21 September lalu.



NOOR HISHAM

"Empat kes adalah warga Malaysia membabitkan dua wanita (27 dan 38 tahun), dua remaja perempuan (16 dan 17 tahun) manakala seorang lagi wanita warga asing berusia 29 tahun.

"Kesemua mereka tidak bergejala dan telah dimasukkan ke Hospital Semporna untuk rawa-

tan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, sehingga semalam sejumlah 97 individu telah disaring dalam kluster tersebut dan 92 individu masih menunggu keputusan.

"Langkah pencegahan jangkitan termasuk proses nyah kuman dan proses pembersihan telah dijalankan di Hospital Semporna. Punca jangkitan masih dalam siasatan, manakala perkhidmatan di Hospital Semporna berjalan seperti biasa," katanya.

Pada masa sama terdapat pertambahan kes daripada Kluster Benteng LD iaitu 41 kes menjadikan jumlah kes positif kluster ini sebanyak 624 kes.

Noor Hisham berkata, selain itu enam kes baharu dilaporkan daripada Kluster Pulau menjadikan jumlah kes positif kluster ini sebanyak 35 kes iaitu 31 kes warga Malaysia dan empat kes warga Filipina.

"Kluster Selamat pula melaporkan enam kes baharu menjadikan sebanyak 25 kes positif dalam kluster tersebut iaitu 21

warga Malaysia dan empat warga asing," katanya.

Beliau berkata, kes lain di Sabah iaitu masing-masing satu kes melibatkan warga Malaysia iaitu saringan komuniti dan saringan rujukan ke Hospital Queen Elizabeth.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, Kedah melaporkan 10 kes baharu dengan sembilan kes daripada Kluster Sungai menjadikan jumlah kes positif kluster ini sebanyak 83 kes.

"Satu lagi kes baharu di Kedah melibatkan warga Malaysia iaitu saringan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran di Kota Setar.

"Selangor merekodkan satu kes baharu melibatkan warga Malaysia iaitu saringan praprosedur di sebuah pusat perubatan dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

"Satu lagi kes baharu di Sarawak melibatkan warga asing iaitu kes saringan bergejala di Hospital Umum Sarawak," katanya.



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	82
Import: 10 Tempatan: 72	
• Pullih	168
• Kematian	0
• Masih dirawat	665
• Jumlah kes sembuh	9,563
• Jumlah kematian	130
Jumlah kes keseluruhan	10,358

KKM tingkat persediaan penularan di Sabah

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) melakukan pemeriksaan aktiviti pencegahan kesihatan awam di Sabah bagi mengawal penularan Covid-19 dalam komuniti di negeri tersebut.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Kementerian Kesihatan menjalankan pelbagai aktiviti kawalan kesihatan awam di lapangan.

"Kementerian juga menambahkan baik kesiapsiagaan menghadapi peningkatan kes di Sabah.

"Antara lain adalah mempergiatkan saringan kontak rapat kepada kes positif dan saringan bersasar kepada warga emas, saringan ILI dan SARI, saringan pendatang asing tanpa izin (PATI), saringan rujukan hospital, saringan petugas kesihatan dan saringan pasukan penguat kuasa," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Jelas beliau, Kementerian juga telah menyediakan tambahan katil bagi kes positif Covid-19 iaitu sebanyak 251 katil di Hospital Lahad Datu, 401 katil di Hospital Tawau dan 40 katil di Kunak.

"Beberapa lokasi juga telah disiapkan sebagai pusat kuarantin bagi menempatkan Person Under Investigation (PUI), iaitu di Tawau sebanyak 720 katil, Lahad Datu (354 katil), Kunak (127 katil) dan Semporna (180 katil).

"Kementerian berterima kasih kepada penguat kuasa yang bertungkus lumus menjalankan sekatan jalan raya di zon merah serta memperketatkan lagi kawalan sempadan," katanya.

Individu dari Sabah digalakkan jalani saringan

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan menggalakkan individu tidak bergejala yang pulang dari Sabah untuk menjalani ujian saringan Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, buat masa ini yang diwajibkan supaya menjalani ujian tersebut di hospital adalah mereka bergejala.

"Setakat ini pendirian Kementerian Kesihatan adalah mereka yang kembali dari Sabah, kalau bergejala kita wajibkan mereka datang ke hospital untuk mendapatkan saringan dan ujian.

"Bagaimanapun jika mereka tidak bergejala atau demam sebagainya adalah digalakkan untuk menjalani ujian Covid-19," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, situasi kes Covid-19 di negeri tersebut ketika ini adalah terkawal sekali gus pelaksanaan Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah boleh diteruskan.

Justeru, katanya, pihaknya melaksanakan pemerhatian dan pemantauan terhadap perkembangan kes tersebut dari semasa ke semasa.

Ditanya sama ada mereka yang positif Covid-19 boleh dibenarkan mengundi di hospital



INDIVIDU yang tiba dari zon merah seperti Tawau dan Lahad Datu digalakkan untuk menjalani ujian saringan Covid-19. – ASWAD YAHYA

pada PRN Sabah, Noor Hisham berkata, setakat ini hospital tidak diwartakan sebagai pusat mengundi.

"Kalau nak melaksanakan undian di dalam hospital, kena diwartakan sebelum boleh dilaksanakan dan setakat ini hospital tidak diwartakan sebagai pusat mengundi.

"Pesakit di Unit Rawatan Rapi misalnya tidak boleh keluar untuk menjalankan tanggungjawab mengundi dan sebab itu, kita tidak benarkan kes positif untuk mengundi," katanya.

Noor Hisham berkata, bagaimanapun untuk mereka yang terdedah dengan kes

positif, mereka boleh diberi masa dan ruang untuk melaksanakan undian tersebut.

"Tetapi tertakluk kepada pusat mengundi jika dekat tidak ada masalah, namun jika jauh sehingga memerlukan naik pesawat mungkin ia mendatangkan isu.

"Bagaimanapun, mereka perlu memohon terlebih dahulu kerana satu kesalahan jika mereka keluar undi dan tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) serta boleh dikompau.

"Jadi kalau mahu mengundi perlu memaklumkan Pejabat Kesihatan Daerah untuk membolehkan keizinan (mengundi) dalam masa tertentu," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sehingga kini hanya 15 kluster masih aktif di negara ini dan pihaknya terus membuat pemantauan serta menjalankan ujian kepada kumpulan bersasar mengikut lokaliti tertentu.

"Salah satu faktor kebangkitan Kementerian ini ialah penyakit tersebut mungkin dibawa oleh pendatang asing tanpa izin (PATI).

"Justeru kawalan sempadan ini diperketatkan dan kita juga menjalankan kerjasama dengan pelbagai agensi bagi melaksanakan perkara tersebut," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Kosmo! RABU 23 SEPTEMBER 2020

Negara!

5

Covid-19 #kitamestimenang



Tiada diskriminasi untuk agihan penawar pandemik Covid-19

Semua negara berhak dapat vaksin

Oleh AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI

KUALA LUMPUR — Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam menegaskan, vaksin untuk Covid-19 mesti diberikan kepada semua negara selepas ditemui.

Katanya, wabak yang telah mengorbankan nyawa ramai orang itu mendedahkan kapasiti dan keberkesanan sistem penjagaan kesihatan dunia selain memberikan impak serius kepada aspek sosio ekonomi.

"Tidak patut ada diskriminasi atau sebagainya. Memandang Covid-19 tidak mendiskriminasi, maka respons kita juga semestinya tidak wajar (bersifat diskriminasi)," katanya dalam ucapan yang dibuat secara rakaman di Putrajaya bersempena Ulang Tahun ke-75 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Ini merupakan kali pertama Muhyiddin menyampaikan ucapan di PBB selepas mengambil

alih jawatan sebagai Perdana Menteri.

Dalam perkembangan lain beliau berkata, meskipun pencapaian organisasi itu di pelbagai aspek terutama pembangunan ekonomi dan sosial diiktiraf, negara anggota perlu bersikap jujur dan mengakui kegagalan PBB dalam menyelamatkan beberapa generasi daripada kekejaman perang.

"Ramai yang masih menderita akibat pelbagai konflik yang berlaku di pelbagai rantau, yang sehingga hari ini tidak menemui jalan penyelesaian.

"PBB perlu menambah baik aspek ini. Untuk itu, kami percaya organisasi ini mesti direformasikan," ujarnya.

Muhyiddin turut membidas sesetengah negara yang tidak mengikuti perjanjian-perjanjian antarabangsa yang dipersetujui seperti Perjanjian Paris, yang merupakan pencapaian dalam memerangi perubahan iklim,

selain menjadi kemuncak usaha antarabangsa yang bermula pada Sidang Kemuncak Bumi di Rio pada 1992.

"Instrumen-instrumen seperti itu mengatur dan menyelia tindakan kita agar dapat bergerak ke hadapan.

"Malangnya, dalam beberapa tahun kebelakangan ini kita melihat negara-negara tertentu mengabaikan perjanjian tersebut. Kami harap perkara ini dihentikan. Kita mesti memperhatikan apa yang diharapkan oleh rakyat," katanya.

Dalam pada itu, katanya, Malaysia mengalu-alukan penerimaan Deklarasi untuk Memperingati Ulang Tahun ke-75 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Kami sangat yakin bahawa peringatan hari ini memberi peluang keemasan kepada masyarakat antarabangsa untuk melakukan yang lebih baik," katanya.



MUHYIDDIN dalam ucapan yang dibuat secara rakaman di Putrajaya semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

82 kes baharu Covid-19

Melibatkan 72 jangkitan tempatan dan 10 kes import manakala Sabah paling banyak kes

PUTRAJAYA

Jumlah kes baharu koronavirus (Covid-19) dalam tempoh 24 jam lepas di Malaysia masih pada dua angka iaitu 82 kes dengan Sabah kekal mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak 60 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes baharu berkenaan yang merangkumi 72 jangkitan tempatan dan 10 kes import menjadikan jumlah kumulatif terkini

sebanyak 10,358.

Bagi penularan tempatan, beliau berkata jangkitan melibatkan 60 rakyat tempatan dan 12 warga asing.

"Kes di Sabah melibatkan 41 kes daripada Kluster Benteng LD (Lahad Datu), selain masing-masing enam kes bagi Kluster Pulau dan Kluster Selamat; lima daripada Kluster Bangau-Bangau (kluster baharu) serta masing-masing satu kes saringan komuniti dan kes saringan rujukan ke Hospital Queen Elizabeth," katanya pada sidang media perkembangan Covid-19 di Kementerian Kesihatan (KKM) di sini semalam.

Beliau berkata, jumlah kes aktif dengan kebolehan jangkitan pada masa ini ialah sebanyak 665 kes.



DR NOOR HISHAM

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 10 kes di Kedah merangkumi sembilan daripada Kluster Sungai dan satu kes saringan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran di Kota Setar.

Selain itu, turut direkodkan masing-masing satu kes saringan

praprosedur di sebuah pusat perubatan di Selangor dan kes saringan bergejala di Hospital Umum Sarawak, katanya.

Beliau berkata, kes import pula membabitkan sembilan individu yang pulang dari India dan satu dari Indonesia.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes pulih pula meningkat kepada tiga angka dengan 168 individu menjadikan jumlah kumulatif pulih sepekenya kini 9,563 kes atau 92.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Tiada kematian baharu direkodkan, jumlah maut kekal 130 kes.

Pada masa ini terdapat sembilan kes dirawat di unit rawatan rapi dengan dua daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya. - Bernama

Kluster Bangau-Bangau pula di Semporna

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti satu lagi kluster di Sabah iaitu Kluster Bangau-Bangau di Semporna yang merupakan kluster ketujuh di negeri itu setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, setakat semalam, sebanyak lima kes positif telah dikesan dalam kluster tersebut iaitu kes ke-10,340 hingga ke-10,344 yang melibatkan empat rakyat tempatan dan seorang warga asing.


"Kluster tersebut dikenal pasti hasil saringan kemasukan pesakit ke Hospital Semporna.

"Kesemua mereka tidak bergejala dan telah dimasukkan ke Hospital Semporna untuk rawatan lanjut," kata Dr Noor Hisham pada sidang akhbar perkembangan Covid-19 di Kementerian itu di sini semalam.

Dr Noor Hisham memberitahu, bagi Kluster Bangau-Bangau tersebut, seramai 97 individu telah disaring dengan 92 orang masih menunggu keputusan, manakala punca jangkitan masih dalam siasatan.

Justeru, beliau berkata, langkah pencegahan jangkitan termasuk proses nyahkuman dan proses pembersihan telah dijalankan manakala perkhidmatan di Hospital Semporna masih berjalan seperti biasa. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : NEGERI

Dettol sumbang 500,000 sabun, 100,000 pelitup muka

KUALA LUMPUR - Sebanyak 500,000 sabun dan 100,000 pelitup muka disumbangkan RB (Health) Malaysia Sdn Bhd (RB Malaysia) Dettol Malaysia (Dettol) kepada hospital, sekolah dan keluarga miskin bandar.

Pengarah Urusan RB (Health) Malaysia, Oguzhan Silivilli berkata, sumbangan menerusi kempen *Hygiene Starts With You* yang dilancarkan sejak Februari lalu itu bertujuan meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan penjagaan kebersihan dalam menghadapi pandemik koronavirus (Covid-19).

Katanya, sebanyak 400,000 sabun Dettol disumbangkan kepada hospital dan sekolah manakala sebanyak 100,000 sabun Dettol kepada lebih daripada 25,000 keluarga miskin bandar.

"Dettol ingin memainkan peranan dalam mendukung usaha kerajaan melawan pandemik Covid-19 ini selain mendorong masyarakat untuk mengamalkan tingkah laku kebersihan yang baik untuk melindungi diri dan orang yang mereka sayangi daripada jangkitan," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Menurutnya, kempen *Hygiene Starts With You* merupakan kerjasama pihaknya bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian



Oguzhan Silivilli (kanan) menyerahkan replika sumbangan kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba (dua dari kiri) di Putrajaya baru-baru ini.

Pendidikan Malaysia (KPM), Gabungan Persatuan Pengamal Perubatan Swasta Malaysia (FMPAM), Farmasi Komuniti Malaysia Guild (MCPG) dan Kechara Soup Kitchen Society (KSK).

"Melalui #HygieneStartsWithYou, Dettol melancarkan rangkaian kan-

dungan pendidikan yang faktual dan tepat dikongsi melalui platform media sosial.

"Penekanan digital menerusi dalam talian sangat penting dalam ketika perhimpunan awam yang besar tidak digalakkan untuk membantu mengurangkan penyebaran Covid-19.

"Menerusi laman web pendidikan di Dettol yang baru dilancarkan menawarkan penjelasan dan fakta berasaskan sains yang menerangkan maklumat tentang bagaimana memerangi virus atau apa yang digambarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai infodemik," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Pastikan vaksin boleh diakses semua - PM

PUTRAJAYA: Malaysia menetapkan ketegasan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) agar organisasi dunia itu perlu memastikan tidak ada diskriminasi terhadap semua negara dalam mendapatkan akses vaksin Covid-19 selepas ia dijumpai.

Perdana Menteri dalam menyampaikan pendirian rasmi Malaysia itu di mesyuarat peringkat tinggi Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) bersempena ulang tahun ke-75.

Muhyiddin menegaskan, isu pandemik Covid-19 telah menjadi krisis dunia, maka usaha menanganinya tidak boleh dibeza-bezakan kerana penularan jangkitan wabak itu tidak mengenal sesiapa.

"Wabak ini telah menyaksikan ramai terkorban dan telah

memperlihatkan keupayaan dan keberkesanan sebenar sistem penjagaan kesihatan kita. Ia juga telah memberi kesan yang teruk kepada sosioekonomi.

"Justeru, dalam hal ini, kita harus memastikan bahawa apabila vaksin Covid-19 dijumpai, ia mestilah dapat diakses oleh semua bangsa dan negara. Tidak boleh ada diskriminasi sama sekali," katanya.

Ini merupakan ucapan sulung Muhyiddin di UNGA sejak menjadi Perdana Menteri pada Mac lalu dan mesyuarat berkenaan dilaksanakan secara maya disebabkan pandemik Covid-19 dan ucapannya itu telah diprarakamkan di pejabatnya di Putrajaya.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, Malaysia turut me-

netapkan pendirian terhadap PBB agar melakukan perubahan total memandangkan masih ramai menderita akibat konflik peperangan yang masih berlaku di beberapa bahagian di seluruh dunia.

Beliau berkata, dalam hal itu, PBB boleh dikatakan gagal untuk menyelamatkan beberapa generasi pewaris daripada kesengsaraan akibat peperangan.

Jelas beliau, walaupun diakui organisasi itu agak 'baik' dalam menyelesaikan beberapa isu di sepanjang tahun penubuhannya terutama dalam mempromosikan pembangunan sosial dan ekonomi, kita perlu jujur dan mengakui tentang kegagalan PBB tentang itu.

Perdana Menteri berkata, PBB kini amat diperlukan dan ia

seharusnya sudah cukup lengkap bukan hanya dari segi kebebasan politik, tetapi juga dari segi sokongan berterusan negara anggota dalam menampilkan respons terhadap sebahagian daripada masalah besar dihadapi dunia.

"Inilah masanya untuk PBB menilai semula pencapaiannya memperbaiki kelemahan dan menghapuskan kesemua rintangan yang menghalang kemajuannya yang berterusan.

"Dalam memperingati ulang tahun ini, ia menampilkan peluang keemasan kepada komuniti antarabangsa untuk melakukan yang lebih baik. Jangan kita melepaskan peluang ini. Mari kita bergerak ke hadapan bersama membina masa hadapan yang kita mahukan dan PBB yang kita perlukan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Tugas Kementerian Kesihatan cari dana baiki hospital daif

PUTRAJAYA: Kementerian Kerja Raya sudah mengenal pasti tindakan yang perlu diambil berhubung masalah hospital usang di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, kini menjadi tugas Kementerian Kesihatan untuk mencari dana bagi menyelesaikan isu yang memerlukan peruntukan besar daripada pihak kerajaan itu.

Katanya, penambahbaikan hospital usang itu akan diberikan keutamaan bergantung kepada peruntukan yang diterima nanti.

"Sekarang ini (tanggungjawab) di peringkat Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan dana daripada Kementerian Kewangan dan perlu mengemukakan permohonan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) kerana ia melibatkan jumlah yang besar," katanya dalam sidang akhbar selepas sesi libat urus penggiat industri pembinaan di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Menerusi sesi libat urus itu, Fadillah dan Mustapa bersetuju supaya satu jawatankuasa tertinggi ditubuhkan bagi mengumpulkan cadangan, mengenal pasti masalah serta kekangan yang dihadapi oleh industri pembinaan selepas pandemik Covid-19.

Platform berterusan seperti itu dilihat penting supaya isu seperti peraturan berbeza antara pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri, kehilangan penggajian dan upah pekerja serta kemerosotan penggunaan bahan binaan dapat diatasi.

Semalam, KKM memberitahu akan mewujudkan jawatankuasa khas untuk menilai keadaan hospital-hospital kerajaan yang daif dan usang, seterusnya mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan kepada kerajaan.

Utusan Malaysia pada Julai lalu mendedahkan sekurang-kurangnya 46 hospital berusia lebih 50 tahun di seluruh negara dikenal pasti sebagai daif dan uzur yang berisiko jika berlaku kejadian tidak diingini terutama kebakaran.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DALAM NEGERI

Bangau-Bangau pula

Lagi kluster baharu di Sabah

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Sabah mencatatkan satu lagi pertambahan kluster baharu Covid-19 iaitu Kluster Bangau-Bangau dengan lima kes dicatatkan membabitkan empat warga Malaysia dan satu warga asing.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kluster tersebut dikenal pasti hasil saringan kemasukan pesakit di Hospital Semporna iaitu kes ke -10,340 hingga ke-10,344 dikesan positif Covid-19.

Menurut beliau, pertambahan kes dalam kluster baharu itu adalah sebahagian daripada 82 kes baharu Covid-19 dilaporkan hari ini menjadikan jumlah kes positif sebanyak 10,358 kes.

Katanya, daripada jumlah tersebut, 72 kes adalah penularan tempatan dan 10 lagi melibatkan kes import dari negara India dan Indonesia.

"Sabah merekodkan 60 kes hari ini termasuk Kluster Bangau-Bangau itu selain mencatatkan 41 kes positif daripada Kluster Benteng LD, enam kes Kluster Pulau dan enam kes Kluster Selamat.

"Kedah pula merekodkan 10 kes baharu iaitu sembilan kes Kluster Sungai dan satu kes saringan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan secara Pentadbiran (Temco) di Kota Setar.

"Di Selangor, satu kes melibatkan warga Malaysia iaitu saringan praprosedur di sebuah pusat perubatan dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Se-

lain itu Sarawak juga melaporkan satu kes baharu melibatkan saringan bergejala di Hospital Umum Sarawak melibatkan warga Malaysia," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Noor Hisham memberitahu, situasi perkembangan kes positif Covid-19 di Sabah ketika ini adalah terkawal sekali gus Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah pada Sabtu ini boleh diteruskan.

Bagaimanapun, kata beliau, pihaknya memantau perkembangan kes positif dari semasa ke semasa menjelang PRN Sabah dan selepas hari pengundian.

"Kementerian bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi dalam memastikan situasi Covid-19. Berdasarkan pertambahan kami, situasi di Sabah ketika ini masih terkawal," katanya.

Namun, katanya, saringan kontak rapat kepada kes positif Covid-19 dan saringan bersasar seperti pendatang asing tanpa izin (PATI) terus dipergiat.

"Kementerian telah menyediakan katil bagi kes positif Covid-19 iaitu 251 katil di Lahad Datu, 401 katil di Hospital Tawau dan 40 katil di Kunak.

"Selain itu beberapa lokasi telah disiapkan sebagai pusat kuarantin bagi menempatkan individu di bawah pemantauan di empat daerah iaitu Tawau, Lahad Datu, Kunak dan Semporna selain memperketatkan kawalan sempadan," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan juga menggalakkan individu tidak bergejala yang pulang dari Sabah untuk menjalani ujian saringan Covid-19.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION

THE STAR, WEDNESDAY 23 SEPTEMBER 2020

Nation 7

Covid-19: Current situation globally
(As at 7pm Sept 22, 2020)

						New cases		Total cases		Total deaths		Total recovered	
Malaysia						82		10,358		130		9,563	
Asean+	Philippines	Indonesia	China	Japan	Singapore	S. Korea	Myanmar	Thailand	Vietnam	Cambodia	Brunei	Laos	
Confirmed cases	291,789	252,923	85,297	79,140	57,627	23,106	6,471	3,511	1,068	275	145	23	
Deaths	5,049	9,837	4,634	1,500	27	388	100	59	35	0	3	0	
Recovered	230,643	184,298	80,497	71,404	57,241	20,441	1,445	3,343	947	274	142	22	
Global Top 10	US	India	Brazil	Russia	Peru	Colombia	Mexico	Spain	South Africa	Argentina			
Confirmed cases	7,046,216	5,562,663	4,560,083	1,115,810	772,896	770,435	700,580	671,468	661,936	640,147			
Deaths	204,506	88,965	137,350	19,649	31,474	24,397	73,697	30,663	15,992	13,482			
Recovered	4,299,525	4,497,867	3,887,199	917,949	622,418	640,900	502,982	N/A	591,208	508,563			

Reports by MUGUNTAN VANAR, PHILIP GOLINGAI, ZAKIAH KOYA, MARTIN CARVALHO, STEPHANIE LEE, JO TIMBUONG, TARRANCE TAN, KRISTY INUS and FARIK ZOLKEPLI.

Virus-positive voters to sit out polls

Those with symptoms or in quarantine allowed to vote, with conditions

PETALING JAYA: Voters who have tested positive for Covid-19 are barred from voting in the Sabah state elections on Sept 26 as new stringent voting procedures during the Covid-19 outbreak were announced ahead of the Sabah polls.

Apart from this group, three other groups of voters are allowed to vote, said Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yesterday.

Those categories involve healthy voters, voters with symptoms and voters in quarantine stations.

The first group is the normal voters, who have been given time slots and would have to practise the usual standard operating procedures (SOP).

They are encouraged to come out to vote during the allotted time slots to avoid crowding but if they cannot make it, they can still come out and vote after that time slot.

The second group of voters are those with symptoms of Covid-19. They will be allowed to vote but at special places prepared for them.

The third group is for those in quarantine stations. They can vote but must apply to the district health office so that preparations can be made to bring them to vote at special places.

"The fourth (and last group) are those who have tested positive for Covid-19 and are being treated at hospitals. This group is not allowed to vote," said Ismail Sabri.

He said the decision was made by the authorities during a National Security Council (NSC) meeting yesterday in view of the rising number of cases and emergence of new clusters in Sabah over the past few days.

He also said 25,000 people have been targeted and are being tested in the four red zones where there have been clusters – namely



This way: An Election Commission worker directing the police to the correct queue during early voting at the Sabah state election. — Bernama

Tawau, Lahad Datu, Semporna and Kunak.

"Until Sept 21, the Health Ministry has screened 9,610 individuals," said Ismail Sabri.

He also said more stringent measures will be taken on campaigning and polling day.

The crowd number at ceramah will now be reduced to only 30 people from the 250 stated by the Election Commission (EC) earlier.

"Only one or two campaigners can enter a house of voters at ceramah. Only 30 people are allowed at a time. Wear a mask, observe physical distancing, wash your hands, and no touching – not even fist bumps, as advised by the Health Ministry," said Ismail Sabri.

He also said that although there is no mandatory screening or quarantine for those returning from Sabah to other states, those


who visited red zones in Tawau, Lahad Datu, Semporna and Kunak are encouraged to take swab tests as a precaution.

The National Disaster Agency (Nadma) deputy director-general Zakaria Shaaban said it is still monitoring the quarantine stations in Sabah during the state elections.

"We will follow strictly all that has been agreed to during the NSC meeting," said Zakaria.

The EC said that besides being more vigilant, people must strictly adhere to the agreed SOP which was approved on Sept 11.

"The main priorities are physical distancing, wearing of face masks, hand sanitising and recording the attendance for all activities involving the state elections.



"The guidelines would be followed strictly throughout all the processes of the elections," stated the EC in its guidelines.

The process includes briefing EC staff, nomination, printing and checking of ballot papers, checking of ballots, counting of postal votes, checking of ballot boxes, campaigning, polling day and vote counting.

A government source said that although there were groups asking for postal voting to be allowed for the Covid-19 positive cases and those in quarantine, it is not a feasible idea as time is short.

"The election is this weekend. Nothing is cast in stone as the SOP can still be tweaked and changed according to the situation on the ground," said the source.

Watch the video
thestartv.com



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

8 Nation

WHO: M'sia ready to deal with Covid-19 surge

CYBERJAYA: Malaysia is well-prepared to handle a spike in Covid-19 cases but the country has to address several weaknesses, says the World Health Organisation representative.

"Malaysia is well-prepared for the next surge. (But) it may be good to look at the closed settings, confined settings, prisons, (and see that) the measures recommended by the government are also actually implemented."

"I understand preparations are underway and measures have been taken but it has to go down to the implementation."

"It has to be monitored very carefully," said Dr Lo Ying-Ru Jacqueline, the WHO representative to Malaysia, Brunei and Singapore.

Malaysia has seen a return to double- and triple-digit infections of local transmission of Covid-19 after reporting a lull in infections in July and August when most of its daily load of cases came from overseas.

To date, 582 inmates, staff, family members and close contacts in Tawau and Lahad Datu and one person in Sandakan tested positive for the coronavirus. All of them are within

the detention centre cluster.

Dr Lo said that the surveillance system needed to be improved by educating the private healthcare sector on the various symptoms of Covid-19.

"We know that with Covid-19, the majority of cases is asymptomatic. They can have very mild symptoms or even no symptoms. So, it's very difficult and complicated (to determine) 'when do we test?'"

"It's very important that constant training is expanded to private sector facilities because Covid-19 can be present anywhere," she added.

Malaysia has had several cases arising from the failure of private doctors and health practitioners to test and notify health authorities of possible Covid-19 cases.

Private health practitioners are required but not obligated to test and report patients with severe acute respiratory illness (SARI) and influenza-like illness (ILI) symptoms as part of the Covid-19 surveillance system.

Dr Lo added that to prevent this, health practitioners should take advantage of the easy availability of tests in Malaysia and do more tests.

Malaysia has improved its daily testing capacity, from 11,500 in March to about 40,000 currently.

She also commended Malaysia for moving away from testing only symptomatic individuals and expanding testing to other communities.

She said increasing testing was important to finding sporadic cases, such as the four reported in Kedah on Sunday.

"Testing and searching for cases is one of the key strategies to prevent further transmissions. It's a very important strategy," she said.

Dr Lo also reminded that it was important to be prepared to keep practising Covid-19 preventive measures long after a safe and effective vaccine becomes available, projected by the WHO to be by the end of 2021.

"The vaccine alone is not the solution. The vaccine has to be available in the quantities we need," she said.

Malaysia joined the Covid-19 Vaccine Global Access Facility (Covax) facility, an initiative by Gavi, the Vaccine Alliance, the Coalition for Epidemic Preparedness Innovations (CEPI) and WHO, on Sept 19. — Bernama

Health DG: Polls can go on

'Situation in Sabah under control despite increase in cases'

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The Health Ministry feels there is no need to postpone the Sabah election despite the ever-increasing number of Covid-19 cases in the state as the situation is under control.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said they have been observing and monitoring the situation and have introduced measures to contain the outbreak.

"We think we are able to contain and mitigate the whole situation."

"From the judgement of the Health Ministry, the situation in the state is under control."

"More importantly, everyone, be it frontliners or members of the public, must comply with the SOP so that we can break the chain of infections," he said at a press conference yesterday.

Dr Noor Hisham said for the elections, voters who were positive Covid-19 would not be allowed to go out and cast their votes as their infectivity rate was very high.

"They have to remain quarantined in the hospital."

"If we were to allow voting to be conducted in the hospitals, it would need to be gazetted first as polling centres. So far, none of the hospitals have been gazetted as such," he said.

Dr Noor Hisham added that for persons under investigation (PUI) who were under a quarantine order, they would be allowed time off to go out and cast their votes.

"This is, however, only possible if they are quarantined near to where they are supposed to cast their votes."

"If it would involve a long journey such as a plane ride, it is not possible," he said, adding



Exercising their rights: Police and Armed Forces personnel waiting for their turn to cast their votes in the early voting exercise at a secondary school in Kota Kinabalu, Sabah. — Bernama

that for Sabah, the ministry has stepped up screening of close contacts to Covid-19 patients.

Dr Noor Hisham said the ministry had also identified groups of people for targeted screening including elderly folk, patients of influenza-like illnesses and severe acute respiratory illness, undocumented migrants, hospital referrals, healthcare workers and enforcement officers.

"We have prepared beds for Covid-19 patients at Lahad Datu Hospital (251 beds), Tawau Hospital (401) and Kunak Hospital (40)."

"Several training institutes and school hostels have also been assigned as quarantine centres for PUI in Tawau, Lahad Datu, Kunak and Semporna," he said.

Dr Noor Hisham also announced 82 new Covid-19 cases in the country, with 60 of them coming from Sabah alone and a new cluster in Semporna, dubbed the Bangau-Bangau

Cluster, which has five cases linked to it.

The Benteng Lahad Datu (LD) cluster, the country's biggest and active cluster, has 41 new cases which bring its cumulative total to 624.

There were also six new cases each from the Pulau cluster and Selamat cluster. The other two Sabah cases were detected from the community while other local cases include 10 in Kedah, one each in Selangor and Sarawak.

There are 10 import cases, including nine Malaysian medical students who have arrived from India.

A total of 168 patients have been discharged and no deaths — which takes the total active cases in the country down to 665.

Watch the video
thestartv.com



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Another Covid cluster **detected** in Sabah

➤ Five positive cases uncovered in Bangau Bangau area as number of new infections nationwide rises to 82

■ BY **HAKEM HASSAN**
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Another Covid-19 cluster has been discovered in Sabah as the number of new infections nationwide rose to 82 yesterday.

This is the seventh cluster that has surfaced in the state amid campaigning for the crucial state election this Saturday.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah told a press conference yesterday that the new cluster, called Bangau-Bangau, was reported in Semporna.

He said a screening exercise that began on Monday has already uncovered five positive cases in the area. Another 92 individuals who were also screened are still waiting for their test results.

Noor Hisham said of the five new cases in the Bangau-Bangau cluster, four are Malaysians and one a foreigner.

He said all five have been admitted to the Semporna Hospital for treatment.

"Preventive measures, including disinfection and cleaning, are being undertaken at the hospital."

Elsewhere in Sabah, new infections have been found in

three other clusters – Benteng LD, Pulau and Selamat.

The Benteng LD cluster saw an additional 41 cases as of noon yesterday. This brings the total number of Covid-19 cases in the cluster to 624.

Noor Hisham said a total of 10,045 individuals in Benteng LD have been screened and 2,822 are still waiting for their test results.

Six new cases each have also been reported in the Pulau and Selamat clusters.

In Kedah, there were nine new cases from the Sungai cluster, bringing the total number of active cases to 83. The new infections raise the number of active cases to 665 from 583 a day earlier.

Nine patients are still in intensive care, with two requiring ventilator support.

The death toll remains at 130.

The surge in Covid-19 infection has also prompted Sabah Chief Minister Datuk Seri Mohd Shafie Apdal to suggest that the Election Commission (EC) provides sufficient space at polling booths on Saturday to ensure social distancing is possible. He wants the EC to introduce a set of standard operating procedures that would enable Covid-19 patients to cast their votes.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/ STORY OF THE DAY

7TH CLUSTER DETECTED

'NO NEED TO POSTPONE SABAH POLLS OVER COVID-19'

Situation under control, crucial to heed S.O.P to break infection chain, says Dr Noor Hisham

ESTHER LANDAU
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

HEALTH authorities have maintained that there is no need to postpone the Sabah election, even as the state recorded its seventh Covid-19 cluster yesterday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the ministry had been observing and monitoring the situation in the state since its first cluster was detected.

"Based on the ministry's surveillance, the situation is under control. We are able to contain and mitigate the situation.

"Most importantly, everyone, including frontliners and the public, must comply with the standard operating procedures (SOP).

"If everyone complies with the SOP, we can break and mitigate the infection chain. The SOP must be adhered to and practised on the ground.

"We are monitoring the situation closely," he said at a press conference on Covid-19 updates at the ministry here yesterday.

He said those undergoing quarantine were allowed to go out and cast their votes, provided that the polling station was nearby.

Asked whether patients could vote from the hospital, he said it would require a gazette before such measures could be implemented.

Sabah recorded its seventh Covid-19 cluster yesterday, the Bangau-Bangau cluster.

The cluster was discovered on Monday following the screening

of patients admitted to Semporna Hospital.

Dr Noor Hisham said the cluster currently had five patients, one of them a foreigner.

None of them had displayed Covid-19 symptoms, he said.

"Up to noon today, 97 individuals have been screened. Five tested positive, while 92 are awaiting results.

"The cause of the infection is still under investigation and services at the Semporna Hospital are continuing."

The five cases are part of 82 new cases recorded yesterday, which brought the nationwide total to 10,358 cases, with 665 still active.

Sabah accounted for 60 of the 82 new cases.

Of the 60 cases, 41 were from the Benteng Lahad Datu cluster, six from the Pulau cluster, six from the Selamat cluster, five from the Bangau-Bangau cluster, one from a community screening and one involved a Malaysian who was referred to Queen Elizabeth Hospital in Kota Kinabalu.

The Sabah Education Department yesterday announced that it would close 30 schools in Silam and Silabukan in Lahad Datu from today to contain the spread of the virus.

Dr Noor Hisham said he hoped the Covid-19 situation in Sabah could be contained after the state election.

"We will review the situation after polling day.

"We will continue to monitor the situation even after polling day to ensure that we can break the chain of infection."

He said among the key areas of concern was the entry of foreigners into the country, especially in Sabah.

"The cause (of the infection) may come from foreigners and those in prisons too.

"If we can control and tighten international borders and carry out roadblocks, we can mitigate the spread of the infection.

"We are constantly working together with other agencies as well."



Police officers showing the indelible ink on their fingers after casting their vote in the Sabah election in Kota Kinabalu yesterday. PIC BY ASWADI ALIAS

Dr Noor Hisham urged those who travel from Sabah to the peninsula to undergo Covid-19 screenings.

"If they are showing any symptoms, they are required to undergo screening at a hospital.

"Even those who are asymptomatic are encouraged to undergo screening as well."

Dr Noor Hisham said of the 82 new cases yesterday, 10 were imported cases, involving nine Malaysians and one foreigner.

The imported cases comprised nine people who arrived from India and one from Indonesia.

Of the 72 local transmission cases, 60 involved Malaysians, while the rest were non-Malaysians.

Outside of Sabah, 10 cases were detected in Kedah.

Nine cases were from the Sungai cluster, while one case was detected from screening under the Administrative Enhanced Movement Control Order.

One case was detected from pre-surgery screening at a medical facility in Selangor, while one case was detected in Kuching, Sarawak.

Dr Noor Hisham said nine people currently required treatment in the Intensive Care Unit, with two patients needing ventilator support.